

Ibarat seorang Samaria yang baik hati

Petikan dari Kitab Injil: [Lukas 10:25-37](#).

²⁵Seorang ahli Taurat datang dan cuba memerangkap Isa. Dia bertanya, 'Tuan Guru, apakah yang patut aku buat supaya memperoleh hidup yang kekal?'

²⁶Isa berkata, 'Apakah yang tercatat dalam Taurat? Bagaimanakah kamu mentafsirnya?'

²⁷Ahli Taurat itu menjawab, ' "Engkau hendaklah mengasihi Allah, Tuhanmu dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu, dengan sepenuh kekuatanmu dan dengan sepenuh fikiranmu serta engkau hendaklah mengasihi sesama manusia seperti dirimu sendiri." '

²⁸Isa berkata kepadanya, 'Betullah jawapanmu. Berbuatlah demikian dan kamu akan hidup.'

²⁹Tetapi dia hendak membela dirinya lalu dia berkata kepada Isa, 'Siapakah sesama manusia itu?'

³⁰Isa menjawab, 'Ada seorang dalam perjalanan dari Baitulmaqdis ke Yerikho. Dia diserang oleh penyamun yang merompaknya dan membelasahnya sehingga setengah mati. ³¹Kebetulannya, seorang imam melalui jalan itu. Apabila dia melihat si malang itu, dia menyeberangi jalan dan meneruskan perjalanannya. ³²Begitu juga seorang suku bangsa Lewi melalui tempat itu dan melihat si malang itu. Dia juga menyeberangi jalan dan meneruskan perjalanannya. ³³Akan tetapi, seorang bangsa Samaria juga lalu di tempat itu dalam perjalanannya. Dia melihat si malang itu dan hatinya dipenuhi dengan belas kasihan. ³⁴Dia menghampiri si malang itu lalu membersihkan lukalukanya dengan air anggur dan minyak serta membalut luka itu. Kemudian, dia menaikkan si malang itu ke atas keldai tunggangannya dan membawanya ke rumah tumpangan untuk terus merawatinya di situ. ³⁵Pada keesokan harinya orang Samaria itu memberikan dua keping wang perak kepada tuan rumah tumpangan untuk perbelanjaan si malang itu sambil berkata, "Jagalah dia dan sekiranya wang ini tidak cukup untuknya, aku akan membayarnya apabila aku datang kembali."'

³⁶Isa berkata, 'Antara tiga orang itu, siapakah pada pandangan kamu menjadi sesama manusia kepada orang yang dirompak oleh penyamun?'

³⁷Ahli Taurat itu menjawab, 'Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya.' Isa berkata, 'Pergi dan berbuatlah sedemikian.'